

16/01/2004

Abdullah maniskan lagi hubungan Malaysia-Thailand

Hafifi Hafidz

JIKA kehadiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Singapura Isnin lalu dilihat sebagai usaha merungkaikan hubungan `simpul mati' yang dikatakan tidak mudah terlerai, kunjungan sehari ke Thailand hari ini dianggap lebih kepada usaha menguatkan lagi pintalan dan ikatan simpulan sedia ada.

Sejak berkurun Malaysia dan Thailand bersahabat, kedua-dua negara berjaya merintis hubungan yang lebih akrab disulami semangat muhibah menerusi pelbagai bidang kerjasama yang dipersetujui.

Hubungan itu tidak pernah menampak sesuatu yang boleh membawa kepada suasana yang keruh disebabkan kedua-dua negara sentiasa mengamalkan sikap toleransi, sentiasa mahu berbaik-baik tanpa mudah melatah.

Berbanding dengan Singapura di selatan, perlu diakui, hubungan Kuala Lumpur dan Bangkok di utara, lebih intim tanpa ada pertikaian secara terbuka. Lebih membanggakan kedua-dua pihak tidak pernah berbalah apatah lagi membawa sesuatu isu ke pihak ketiga apabila timbul rasa tidak puas hati.

Tidak keterlaluan jika dikatakan setakat ini agak sukar untuk dibilang atau fikirkan isu apakah yang pernah timbul atau yang paling hangat sebelum ini antara Malaysia dan Thailand, yang tidak dapat diselesaikan. Tidak perlu sampai ke peringkat campur tangan pemimpin kerajaan, dalam banyak hal jika ada pun, ia berjaya dibereskan sekadar membabitkan pihak berkuasa kedua-dua belah pihak saja.

Lantaran itu, selain daripada hubungan diplomatik dan ekonomi sedia ada, hubungan baik Malaysia-Thailand berjaya dilebarkan tanpa batasan - menerusi pelbagai lagi penganjuran aktiviti bercorak sosial, pelancongan dan kemasyarakatan.

Justeru, walaupun kunjungan ke Thailand - buat pertama kali selepas Abdullah dilantik sebagai Perdana Menteri - ia tidak mempunyai agenda khusus.

Pertemuan empat mata dengan rakan sejawatnya Thaksin Shinawatra dilihat sebagai membajai dan menyuburkan lagi hubungan baik itu agar tampak kesinambungan tulen walaupun selepas Malaysia bertukar pemimpin. Tiada yang keruh perlu dijernihkan malah yang sedia jernih hendak digilap agar lebih putih berseri.

Ketika menghadiri Dialog Perkongsian dan Perniagaan dan Teknologi Malaysia-Thailand di Langkawi tahun lalu, Thaksin menegaskan keyakinannya bahawa hubungan dua hala yang terjalin dengan baik, perlu diperkukuhkan lagi walaupun berlaku perubahan pucuk pimpinan.

Malah ketika mengucapkan tahniah atas pelantikan Abdullah Oktober lalu, Thaksin yakin kelebihan tersendiri yang dimiliki Abdullah mampu menjadikan Malaysia terus menikmati keamanan dan kemakmuran, sekali gus membawa keamanan di rantau ini khususnya menerusi hubungan baik dengan semua negara anggota Asean.

Dengan kemampuan yang ada pada Abdullah menerajui Malaysia selepas era Tun Dr Mahathir Mohamad, Thailand sangat berharap kepemimpinan Perdana Menteri kelima itu memaniskan lagi hubungan Malaysia-Thailand yang sentiasa terpelihara.

Thaksin percaya pengalaman Abdullah sebagai diplomat dan Menteri Luar sejak sekian lama, akan memberi banyak kelebihan kepada beliau untuk membina jambatan hubungan antarabangsa yang lebih disegani oleh pemimpin negara besar.

Abdullah dijadualkan bertemu empat mata dengan Thaksin pada sebelah pagi

sebaik saja pesawat membawa beliau mendarat di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Thailand di Don Muang, diikuti satu pertemuan peringkat delegasi kedua belah pihak. Turut serta ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Selepas bersembahyang Jumaat di Pusat Islam dekat sini, Abdullah dijangka berlepas dengan pesawat khas dari Bangkok ke Hua Hin untuk menghadap Raja Bhumibol Adulyadej, di Istana Klai Kangwol sebelum pulang.

Walaupun tiada agenda tetap, selain hubungan dua hala dan kerjasama, perbincangan kedua-dua Perdana Menteri dijangka akan menyentuh usaha menyelesaikan pergolakan yang berlaku di selatan negara itu ketika ini yang membabitkan wilayah Yala, Narathiwat dan Pattani yang majoriti penduduknya Islam. Dalam serangan awal pagi 4 Januari lalu terhadap Kem Tentera Krom Luang Narathiwat Rachanakarin, sekumpulan pengganas merampas 102 senjata dan 21 sekolah di tiga wilayah itu dibakar.

Berikutan perkembangan terbaru di wilayah selatan itu, Abdullah dan Thaksin mungkin menyentuh soal keselamatan ancaman keganasan kumpulan militan termasuk Jemaah Islamiah (JI) yang dipercayai menjadikan kawasan sempadan sebagai tempat persembunyian.

Ops Muhibah iaitu operasi bersama tentera Malaysia dan Thailand yang bermula Isnin lalu - dipercepatkan dua bulan lebih awal - sebagai langkah meningkatkan kawalan berikutan serangan itu juga dijangka akan disentuh.

Sebagaimana lawatannya pada September tahun lalu ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri bertemu rakan sejawatnya, pertemuan dengan Thaksin hari ini juga akan menyentuh semula soal kerjasama rondaan sempadan darat Malaysia-Thailand, penyeludupan, perdagangan dan pelaburan, pertanian dan pelancongan serta isu mengenai pengangkutan.

Ketika berucap pada penutup Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia Thailand, Abdullah yang ketika itu adalah orang nombor dua, turut menyaksikan pemeteraian empat memorandum perjanjian dan persefahaman pada akhir majlis itu ke arah memperkukuhkan hubungan kerjasama dua hala.

Memorandum pertama menyaksikan kerjasama strategik di antara sektor awam dan swasta dalam bidang teknologi Malaysia-Thailand. Ia membabitkan Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dan Agensi Pembangunan Sains dan Teknologi (NSTDA) Thailand. Kedua-dua negara bersetuju mempromosi kerjasama dua hala dalam bidang bioteknologi, elektronik dan komputer; penerbangan dan aeroangkasa, automotif, elektrik dan elektronik, prasarana, marin dan teknologi pesisir pantai.

Memorandum kedua membabitkan kerjasama dalam urusan niaga, perdagangan dan ekonomi di antara Persekutuan Pengeluar Malaysia (FMM) dan Persekutuan Industri Thai (FTI) manakala memorandum ketiga membabitkan kerjasama dalam pembangunan dan penyelidikan (R&D) oleh Sirim Berhad (Sirim) dan Institut Penyelidikan Saintifik dan Teknologi Thailand (TISTR).

Dagang Net Technologies Sdn Bhd (Dagang Net Technologies) dan TISTR memeterai memorandum perjanjian keempat berhubung penyediaan perkhidmatan bagi mempermudah perdagangan dalam usaha menubuhkan perkhidmatan perdagangan elektronik merentasi sempadan.

Jika ada kesempatan pada kunjungan singkat ini, barangkali kedua-dua pemimpin mungkin saling diberitahu serba ringkas apakah perkembangan terbaru dan usaha peringkat awal bagi memastikan persefahaman itu digerakkan.

Apa juga yang bakal dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin, kita yakin terasnya ialah menerusi konsep serumpun dalam Asean di mana kedua-dua negara perlu menghargai persamaan dari segi apa juga potensi yang boleh diperkembangkan. Selain pemimpin, sektor awam, swasta dan rakyat dua negara ini yakin masih ada banyak ruang untuk mewujudkan hubungan akrab "menang-menang".

Justeru, menerusi hubungan menang-menang ini, sebarang masalah yang

sudah mahupun yang bakal dihadapi dapat memberikan peluang dua-dua pihak untuk lebih banyak belajar dan membina satu sinergi baru. Sinergi inilah yang boleh membantu kita mengatasi segala ketidaksempurnaan dengan lebih cepat dan mudah.

Seterusnya, kerjasama erat Malaysia-Thailand membolehkan dan memudahkan lagi kepemimpinan Bangkok dan Kuala Lumpur mencari lebih banyak lorong penyelesaian, lantas menterjemahkan kekuatan secara kolektif bagi menghasilkan impak lebih besar dalam merebut sebarang peluang khususnya dalam perniagaan.

Menerusi perkongsian pengalaman dan pengetahuan, perpindahan teknologi dan penggabungan strategik, kedua-dua negara akan dapat menggerakkan pelbagai sumber sokongan dan keupayaan sumber manusia dengan lebih berkesan bagi faedah bersama.

Jelas selepas dekad-dekad berlalu, tidak banyak masalah mahupun kerenah muncul dengan Thailand khususnya dalam hubungan dua hala. Semoga kunjungan Abdullah kali ini melakarkan satu lagi bukti manis bahawa Malaysia adalah negara yang mahu terus bersahabat dengan mana-mana negara lain terutama pemimpin negara jirannya yang sedia bertolak-ansur, tidak bermuka-muka dan tidak hanya melihat sesuatu untuk kepentingan sebelah pihak saja.